

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS DEWAN RAKYAT**

---

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN AKMAL NASRULLAH BIN MOHD.  
NASIR [ JOHOR BAHRU ]**

**SOALAN**

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan :

- (a) kadar migrasi penduduk luar bandar ke bandar di kalangan anak muda; dan
- (b) usaha-usaha yang telah dijalankan bagi menggalakkan pembangunan industri luar bandar untuk pertumbuhan ekonomi .

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan Laporan Survei Migrasi Malaysia, 2018 oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, kadar migrasi dari luar bandar ke bandar bagi tahun 2018 adalah 4.8% berbanding 15.2% pada tahun 2016. Pada masa yang sama, kadar migrasi dari bandar ke luar bandar adalah 19.5% (2018) berbanding 4.2% (2016). Lebih daripada satu pertiga daripada migrasi dalaman adalah dari kumpulan umur 25 hingga 34 tahun (34.3%) dan kumpulan umur 15 hingga 24 tahun (26.2%). Mengikut keluarga

## **NO. SOALAN : 508**

merupakan sebab utama migrasi iaitu 44.2%, diikuti dengan kerjaya (24.3%) dan persekitaran (22.4%).

2. Kementerian Pembangunan Luar Bandar komited dalam membangunkan ekonomi masyarakat luar bandar. Antara usaha yang telah dijalankan oleh pihak Kementerian bagi menggalakkan pembangunan industri luar bandar untuk pertumbuhan ekonomi adalah melalui pembinaan kompleks industri luar bandar, Program Desamall@Online, *Entrepreneurship Economic Development Transformation Program*, Projek Kemudahan Infrastruktur Perindustrian Taman IKS KEDA selain program pembiayaan perniagaan seperti Skim Pembiayaan Usahawan Teknikal (PUTEK) dan Skim Pembiayaan Belia (PUTRA).
3. Kementerian yakin, dengan pelbagai inisiatif yang ditawarkan kepada masyarakat luar bandar khususnya golongan anak muda, maka migrasi dari bandar ke luar bandar dan pertumbuhan ekonomi melalui pembangunan industri dapat ditingkatkan. Disamping itu, Kementerian sedang meneliti program-program baharu untuk dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Ke-12, khususnya untuk meningkatkan pendapatan golongan belia di luar bandar.